

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masalah yang dihadapi oleh penduduk Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 dan apakah bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 telah memberi kesan kepada semua pihak dalam pelbagai aspek termasuklah kekangan kewangan dan punca pendapatan, bekalan makanan, pergerakan dan lain-lain. Tidak terkecuali penerima bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) juga turut terkesan.

Khususnya berkaitan dengan bantuan PPRT, pelaksanaan PKP menyebabkan hampir semua projek sama ada yang sedang berjalan atau telah diluluskan tidak dapat diteruskan berikutan sektor pembinaan tidak termasuk di dalam sektor yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh tersebut. Keadaan ini menyebabkan penerima terpaksa menunggu lebih lama untuk menerima bantuan.

NO. SOALAN : 16

Walau bagaimanapun, dalam fasa keempat tempoh PKP, Kerajaan telah membenarkan sektor pembinaan beroperasi mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan. Sehubungan itu, bantuan PPRT hanya dapat diteruskan pelaksanaannya pada awal Mei 2020. Namun begitu, kerja-kerja di tapak masih lagi perlahan berikutan kontraktor yang dilantik perlu mematuhi syarat-syarat ketat yang ditetapkan. Pada masa ini, kesemua projek PPRT sedang berjalan dengan giat setelah Kerajaan membenarkan semua sektor beroperasi.

Selain daripada bantuan PPRT, program-program lain di bawah Kementerian untuk golongan miskin dan miskin tegar juga tertangguh untuk dilaksanakan. Antaranya adalah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) iaitu pemberian bantuan peralatan dan latihan untuk meningkatkan pendapatan penerima dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang menyediakan peluang latihan untuk kerjaya terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. Kesemua ini menyebabkan penerima tidak dapat mengikuti program seperti dirancang.

Program-program bantuan yang disediakan oleh Kementerian dalam tempoh PKP adalah terhad kepada skop bantuan melalui program-program sedia ada sahaja. Namun begitu, Kementerian sentiasa bekerjasama antara agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak-pihak swasta untuk menyalurkan bantuan sebaiknya kepada golongan sasaran.